

**PANDUAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN BAGI MEMASUKI
PERKHIDMATAN JAWATAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

1. Calon-calun perlu menjawab **50 soalan objektif**
2. Masa yang diperuntukkan adalah **30 minit**
3. Hitamkan pilihan jawapan dengan **PEN** di dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Calon-calun perlu mengisi nombor kad pengenalan dan jawatan yang dipohon dengan jelas di kertas jawapan yang disediakan.
5. Pastikan buku soalan dan kertas jawapan anda diserahkan kepada Ketua Pengawas / Pengawas peperiksaan sebelum meninggalkan dewan peperiksaan.
6. Sila gunakan kertas yang disediakan jika perlu membuat pengiraan. Sebarang pengiraan atau contengan di dalam buku soalan adalah dilarang.
7. Penggunaan alat pengiraan sama ada manual atau elektronik adalah tidak dibenarkan. Sila matikan atau *silent mood* telefon bimbit.
8. Setiap calon **DILARANG** sama sekali meniru atau berbincang semasa peperiksaan dijalankan
9. Anda boleh diarahkan meninggalkan dewan peperiksaan dengan serta merta jika didapati gagal mematuhi peraturan yang dinyatakan.
10. Anda tidak dibenarkan meninggalkan dewan peperiksaan 5 minit selepas peperiksaan bermula dan 5 minit sebelum peperiksaan tamat.
11. Peperiksaan ini akan menguji pengetahuan calon-calun mengenai Pengetahuan Am, Pengetahuan Berkaitan Bidang Kerja, Dasar-Dasar Kerajaan, I.Q serta Sikap.
12. Calon-calun dikehendaki berpakaian pejabat ketika menghadiri peperiksaan ini.
13. Calon-calun tidak boleh meminda dan menunda tarikh serta masa peperiksaan

CONTOH-CONTOH SOALAN

Tahap pengetahuan dan kesukaran soalan-soalan yang diberikan adalah mengikut skim dan gred perjawatan yang dipohon oleh calon.

PENGETAHUAN AM

1. Apakah gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Malaysia yang ke-tiga, Tun Hussein Onn?
 - A. Bapa Perpaduan Malaysia
 - B. Bapa Pembangunan Malaysia
 - C. Bapa Pemodenan Malaysia
 - D. Bapa Kemerdekaan Malaysia

2. Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol Ann Davids adalah dua orang tokoh sukan yang berjaya dan telah mengharumkan nama negara di serata dunia. Sila pilih pernyataan yang **PALING TEPAT** mengenai kedua-dua tokoh sukan tersebut.
 - A. Mereka mempunyai ijazah Sarjana Muda Sains Sukan.
 - B. Mereka memenangi pingat emas Sukan Olimpik pada tahun 2006.
 - C. Mereka berasal daripada negeri Pulau Pinang.
 - D. Mereka pernah menetap di negeri Melaka.

PENGETAHUAN BERKAITAN BIDANG KERJA (TERTAKLUK KEPADA SKIM JAWATAN)

1. During a preliminary survey, an auditor found that several accounts payable vouchers for major suppliers required adjustments for duplicate payment of prior invoices. This would indicate _____.
 - A. A need for additional testing to determine related controls and the current exposure to duplicate payments made to suppliers.
 - B. The possibility of unrecorded liabilities for the amount of the overpayments.
 - C. Insufficient controls in the receiving area to ensure timely notice to the accounts payable area that goods have been received and inspected.
 - A. The existence of a sophisticated accounts payable system that correlates overpayments to open invoices and therefore requires no further audit concern.

2. Kekunci *Delete* memadam teks ke arah kanan tanda masukan teks, manakala kekunci ini pula memadam teks ke arah kiri. Kekunci yang dimaksudkan merujuk kepada
- A. *Restore*
 - B. *Backspace*
 - C. *Alignment*
 - D. *Line Spacing*
3. Antara berikut yang manakah peralatan yang sesuai digunakan untuk memangkas tumbuhan landskap.
- A. *'Garden hand trowel'*
 - B. *'Tractor mower'*
 - C. *'Pole pruner'*
 - D. *'Hand blower'*

DASAR-DASAR KERAJAAN

1. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 adalah berteraskan kepada Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960 yang menumpukan aspek-aspek berkaitan perpaduan negara. Sila pilih pernyataan yang **PALING TEPAT** menggambarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan
- A. Sekolah-sekolah vernakular terpisah antara satu sama lain mengikut kedudukan geografi dan taburan penduduk.
 - B. Mewujudkan sistem pendidikan yang bersifat demokrasi dari segi peluang dan kualiti menerusi pengagihan peruntukan yang adil serta kurikulum dan peperiksaan yang sama kandungannya.
 - C. Menumpukan kepada pendidikan agama yang lebih teratur seperti Sekolah Pondok.
 - D. Menggalakkan guru-guru yang mengajar di sekolah Cina dibawa masuk dari China dan guru-guru tempatan turut dilatih mengikut sistem dari negara China.

2. Objektif utama Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Kempen di Pulau Pinang adalah untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau dan meningkatkan kesedaran rakyat Pulau Pinang mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Tahun bilakah kempen ini dilancarkan?
- A. 2008
 - B. 2009
 - C. 2010
 - D. 2011

IQ

1. Antara 1kg beras, 1 kg batu dan 1kg kapas yang manakah yang lebih berat?
- A. Kapas
 - B. Beras
 - C. Batu
 - D. Sama berat
2. Di dalam suatu keputusan ujian, murid P, Q, R, S, T mendapat gred A, B, C, D dan E masing-masing. Didapati murid P dapat gred lebih baik daripada murid Q dan murid S dapat gred lebih baik daripada murid T, tetapi lebih rendah daripada murid Q. Jika R dapat gred A, siapakah yang dapat gred yang paling rendah?
- A. P
 - B. Q
 - C. S
 - D. T

SIKAP

1. Melaksanakan tugas dengan amanah, bersih dan jujur adalah nilai-nilai utama seorang pekerja
- A. Tidak setuju
 - B. Setuju
2. Dalam proses komunikasi kita hanya perlu tumpukan kepada perkara yang penting sahaja
- A. Tidak setuju
 - B. Setuju